

01/04/2001

Jangan jejasakan kekuatan parti

SEREMBAN: Pemimpin dan ahli Umno jangan cepat merajuk dengan mengambil tindakan melampau hingga menjejaskan kekuatan parti kerana tidak mendapat pencalonan mencukupi bagi mempertahankan atau merebut jawatan peringkat bahagian.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang juga ketua Badan Perhubungan Umno negeri berkata, mereka yang terbabit hendaklah akur kepada keputusan yang dibuat ahli dalam mesyuarat cawangan.

"Walaupun kecewa kerana tidak dicalonkan atau tidak dipilih lagi untuk mengekalkan jawatan, tidak bermakna mereka boleh membuat sesuka hati sehingga sanggup mensabotaj parti.

"Sebagai ahli, kita hendaklah terus menyokong parti kerana yang penting ialah meletakkan kepentingan parti daripada kepentingan diri. Tanpa memegang jawatan pun, kita boleh terus memberikan sumbangan.

"Kita hendaklah menunjukkan kesetiaan jika kita berikrar berjuang dalam parti yang mengutamakan kepentingan bangsa, agama dan negara.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir yang meminta ahli jangan menimbulkan masalah kerana gagal mendapat pencalonan secukupnya untuk bertanding pada pemilihan peringkat bahagian bulan ini.

(END)